



Berita KUIM

Jun 2003

Selamat Datang Pelajar Baru!



Pendaftaran dan Minggu Taaruf Pelajar-pelajar Baru sesi 2003/2004 telah diadakan pada 1 hingga 3 Jun 2003 bertempat di Riviera II. Bagi sesi 2003/2004 bilangan pelajar yang mendaftar adalah seramai 579 orang di mana pelajar-pelajar pra-siswazah ini mengikuti pengajian di empat fakulti di KUIM.

Bilangan pelajar tahun 2002 adalah seramai 1287 orang iaitu seramai 486 orang pelajar tahun pertama, 551 orang pelajar tahun kedua dan 250 orang pelajar tahun ketiga yang bakal menerima ijazah pada Konvokesyen Pertama KUIM pada bulan Ogos tahun ini. Dengan pertambahan pelajar

baru seramai 579 orang, menjadikan pelajar KUIM keseluruhannya berjumlah 1866 orang.

Pelbagai program menarik disusun oleh KUIM menerusi Minggu Taaruf pelajar baru ini. Antaranya adalah Aluan Khas Rektor di asrama Riviera II, Perasmian Minggu Taaruf oleh YB Dato' Dr. Hj. Shafie bin Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Kewangan di Dewan MPAJ diikuti dengan Seminar IPT/Pidato Kepimpinan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Zainol Ariff Hj. Husain, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri di dewan yang sama. Tan Sri Dr. Mohamed Yusof Nor tidak ketinggalan untuk memberi perutusan khas pada pelajar baru KUIM dan diikuti dengan Ikrar dan Majlis Penutup yang dihadiri oleh YB Dato' Mustapha Mohamed, Ketua Pengarah Eksekutif, Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang diadakan di Dewan MPAJ.

Kehadiran pelajar baru ini diharapkan dapat memenuhi aspirasi KUIM yang bertekad untuk menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.



Seminar Syariah dan Koperasi Peringkat Kebangsaan



Seminar dua hari anjuran Fakulti Syariah dan Kehakiman, KUIM ini dirasmikan oleh Y.B Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 28hb Jun 2003. Tujuan utama seminar ini dianjurkan adalah untuk menambahkan kesedaran dan pengetahuan ahli-ahli koperasi khususnya dan umat Islam amnya dari sudut pandangan Islam terhadap koperasi ini. Ini berikutan, kebanyakan umat Islam masih kurang didedahkan dengan pandangan Islam terhadap koperasi.

Lima sesi pembentangan kertas kerja dijalankan sepanjang seminar dua hari ini. Peserta-peserta seminar didedahkan dengan aspek-aspek perundangan yang diguna pakai oleh koperasi-koperasi di negara ini dan pandangan Islam terhadapnya. Begitu juga dengan aspek-aspek syariah yang dikupas oleh pembentang-pembentang berkaliiber daripada KUIM, ANGKASA, Bank Rakyat, Felda Berhad dan lain-lain lagi.

Peserta-peserta juga akan dibawa untuk melihat sejauh mana kejayaan beberapa koperasi yang melaksanakan produk syariah dan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Diharap pembentangan kertas kerja ini dapat memberikan gambaran yang jelas kepada umat Islam tentang kemajuan badan-badan koperasi di Malaysia.

Majlis penutup pada 29hb Jun 2003 ini dihadiri oleh YBhg Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor KUIM. Pada majlis tersebut, YBhg Prof. menerima borang keahlian sebagai 'gimik' penubuhan Koperasi KUIM Berhad. Dengan penubuhan Koperasi KUIM Berhad ini diharapkan dapat mengadaptasi ilmu-ilmu yang telah diperbincangkan oleh pembentang-pembentang dalam membantu mempertingkatkan lagi taraf dan kemajuan badan-badan koperasi di Malaysia umumnya dan Koperasi KUIM Berhad khususnya.



SJM meraikan pelajar baru

Sukan Jalinan Mesra (SJM) kali kedua yang dianjurkan oleh Unit Sukan & Rekreasi HEP KUIM pada 14 Jun 2003 bertujuan untuk meraikan para pelajar baru KUIM sesi pengajian 2003/2004. SMJ ini disertai oleh pelajar tahun 2,3 dan kakitangan KUIM yang melibatkan acara pertandingan bola sepak, bola jaring dan bola tampar. Menurut Encik Sulaiman Hassan, Penolong Pegawai Belia & Sukan merangkap Penyelaras Sukan Jalinan Mesra 2003, selain dari bertujuan untuk meraikan pelajar baru, ia juga menjadi kayu pengukur untuk melihat bakat dan penampilan pelajar baru bagi persediaan pemilihan pemain dalam pertandingan sukan antara IPTA dan Sukan antara Fakulti (SUFA) 2003 yang dijangka berlangsung pada bulan Julai dan Ogos akan datang.

Unit Sukan & Rekreasi HEP KUIM menganjurkan Klinik Boling Padang yang diadakan pada 28 Jun lepas di Pusat Boling Padang, Bukit Kiara. Penganjuran klinik ini bertujuan untuk melahirkan dan menggalakkan sukan boling padang disertai oleh warga KUIM khususnya golongan pelajar. Menurut Saudara Shahrunniza Sidik, Penyelaras Program tersebut, sukan boling padang semakin mendapat perhatian ramai.

Sehubungan dengan itu, penglibatan warga pelajar di dalam sukan ini amatlah diharapkan bagi menyokong penubuhan sukan tersebut disamping terdapatnya pertandingan sukan tersebut di peringkat IPTA. Selain daripada pendedahan teori dan praktikal, para peserta juga diberi peluang untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh penganjur sukan boling padang ini. Program sehari ini diakhiri dengan penyampaian sijil dan hadiah oleh Pegawai Belia dan Sukan, Encik Nur Ekmal Buhary kepada 50 orang pelajar.

Janji antara SIRIM dan KUIM...

Majlis menandatangani MoA ini ditandatangani antara Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohamed Ariffin Haji Aton, selaku Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad dengan YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin, Rektor KUIM dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan KUIM.

Matlamat memorandum perjanjian ini adalah jelas dalam memartabatkan pendidikan KUIM dalam perkembangan arus perdana. Dengan itu, KUIM tidak ragu-ragu untuk melantik *Standard & Quality Service Department (SQS)*, SIRIM Berhad sebagai perunding dan penasihat kepada universiti dalam usaha KUIM untuk mencapai sasaran pensijilan ISO 9001:2000 khususnya di dalam bidang pengajaran dan pembelajarannya. Selain daripada itu, penambahbaikan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran universiti juga tidak akan dilupakan dalam usaha meyakinkan pihak awam bahawa kualiti program yang ditawarkan oleh KUIM adalah terjamin.

Ini berikutan pengiktirafan yang diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang memperakui kualiti ijazah yang dikeluarkan oleh KUIM setanding dengan Institut Pengajian Tinggi Awam lain, maka KUIM tidak menoleh ke belakang lagi untuk mendapat pengiktirafan daripada SIRIM Berhad dalam mencapai sasaran persijilan ISO 9001:2000 pula.

Untuk mencapai matlamat ini, tafsiran semula akademik terhadap beberapa kriteria, standard dan prosedur yang harus dipatuhi KUIM dengan berpandukan kepada Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA di Malaysia dan sistem pengurusan kualiti akan diamalkan.

KUIM berharap dengan menandatangani memorandum perjanjian ini, semoga khidmat latihan dan bimbingan program amalan kualiti menyeluruh yang bakal diberi oleh SIRIM akan dapat membantu KUIM membangun dan melaksanakan program peningkatan kualitinya dengan berpandukan kepada model amalan kualiti menyeluruh dan seterusnya dapat mencapai pengiktirafan sewajarnya dari pihak SIRIM.



Kursus Apresiasi, Dokumentasi dan Implementasi MS ISO 9001:2000



Jaminan kualiti IPTA di Malaysia merupakan satu pendekatan formal oleh Universiti untuk meyakinkan pihak awam bahawa kualiti program pendidikan yang ditawarkan adalah terjamin. Selaras dengan itu, KUIM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan yang diberikan bukan sahaja mencakupi aspek Pengajaran dan Pembelajaran malah mencakupi penambahbaikan secara berterusan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran Universiti. Sehubungan dengan itu, Unit Pengurusan Kualiti KUIM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Standard dan Kualiti Industri, SIRIM Berhad menganjurkan

Kursus Apresiasi, Dokumentasi dan Implementasi MS ISO 9001:2000 pada 23 hingga 25 Jun di Tingkat 11, Menara A, MPAJ yang dihadiri oleh pegawai P&P KUIM. Kursus 3 hari yang dirasmikan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin, Rektor KUIM ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada warga KUIM berkenaan standard yang diperlukan dalam pengurusan kualiti ke arah pencapaian Persijilan MS ISO 9001:2000.


Dalam lembaran sejarah...

- 1-3 Jun – Minggu Taaruf Pelajar Baru di Apartment Riviera II dan Dewan Perbandaran Ampang Jaya
- 4 – 8 Jun – Kursus Intensif Bahasa Inggeris di Menara B, MPAJ
- 4 Jun – Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di Menara A, MPAJ
- 10 Jun – Majlis Taklimat Pelajar di Menara B, MPAJ
- 14 Jun – Sukan Jalinan Mesra di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Indah
- 20 Jun – Majlis Menandatangani MoA di antara SIRIM Berhad dan KUIM di SIRIM Berhad, Shah Alam
- 21 Jun – Bengkel Penulisan Ilmiah di Menara B, MPAJ
- 23 – 25 Jun – Kursus Apresiasi, Dokumentasi dan Implementasi MS ISO 9001-2000 di Menara A, MPAJ
- 25 Jun – Mesyuarat kali ke-5 Jawatankuasa Induk Konvokesyen Pertama di Menara A, MPAJ
- 27 Jun – Taklimat Sasaran Kerja Tahunan di Menara A, MPAJ
- 28 Jun – Seminar Syariah dan Koperasi di Hotel Equatorial Bangi
- 28 Jun – Klinik Boling Padang di Bukit Kiara



"Mesyuarat kali ke-5 Jawatankuasa Induk Konvokesyen Pertama di Menara A, MPAJ pada 25 Jun 2003"

"Kursus Intensif Bahasa Inggeris di Menara B, MPAJ pada 4 - 8 Jun 2003"



"Cokmar KUIM yang akan digunakan dalam Majlis Konvokesyen Pertama KUIM di Dewan Merak Kayangan, Felda Berhad pada 9 Ogos nanti"



"Pelajar baru melakukan aktiviti senaman dalam program yang disusun oleh bahagian HEP pada Minggu Taaruf Pelajar-pelajar baru pada 2 Jun 2003"





Pengumuman!

Lokasi Baru

Jabatan/Unit/ Bahagian

- Bahagian Akademik – Tingkat 12 (Lot 3, Lot 15 & Lot 16)
- INFAD – Tingkat 10 (Lot 8 & Lot 9)
- Unit Perhubungan Awam – Tingkat 15 (Lot 16)
- Unit Perancangan Korporat & Pengantarabangsaan – Tingkat 15 (Lot 16)
- Unit Pengurusan Kualiti – Tingkat 15 (Lot 16)
- Unit Penerbitan – Tingkat 11 (Lot 15)



Diterbitkan oleh Pejabat
Perhubungan Awam KUIM
Tel: 03-42892094/2157
Faks: 03-42892153
E-mail: fazira@admin.kuim.edu.my